

Artikel

Kecerdasan Emosi dan Representasi Autisme dalam Sastera Kanak-Kanak Malaysia: Analisis Teks *Chempaka dengan Piano* oleh Nisah Harun

(Emotional Intelligence and the Representation of Autism in Malaysian Children's Literature: A Textual Analysis of Chempaka dengan Piano by Nisah Harun)

Husairi Hussin

Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia,
11800 Pulau Pinang, Malaysia

*Pengarang Koresponden: husairi.hussin@usm.my

Diserah: 14 Oktober 2025
Diterima: 17 November 2025

Abstrak: Kajian ini berasaskan keprihatinan terhadap isu representasi golongan autisme dalam kesusasteraan kanak-kanak Malaysia yang masih kurang diberikan perhatian, khususnya dari sudut pembinaan emosi dan sosial. Dalam konteks ini, karya sastera berperanan penting sebagai medium empati dan pemahaman terhadap kepelbagaian manusia. Justeru, kajian ini meneliti hubungan antara Kecerdasan Emosi (EQ) dan representasi autisme dalam novel *Chempaka dengan Piano* karya Nisah Harun. Objektif kajian ini adalah untuk (i) mengenal pasti cara pengarang membina watak autisme melalui aspek kecerdasan emosi dan (ii) menganalisis implikasi representasi tersebut terhadap pemahaman serta empati pembaca kanak-kanak terhadap kehidupan sebenar individu autisme. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis teks berasaskan teori Kecerdasan Emosi (EQ) oleh Daniel Goleman. Data diperoleh melalui pembacaan teliti, pengekodan tema dan interpretasi terhadap unsur naratif, watak serta dialog yang berkaitan dengan emosi dan interaksi sosial. Dapatan menunjukkan pengarang mengaplikasikan strategi penceritaan yang lembut dan berlapis untuk menonjolkan perasaan, empati dan hubungan sosial watak autisme. Representasi ini memperlihatkan usaha membina pemahaman yang lebih mendalam terhadap dunia autisme. Implikasinya, kajian ini memperkukuh wacana kesusasteraan kanak-kanak Malaysia sebagai wahana pendidikan emosi dan sosial serta memberi panduan kepada penulis, pendidik dan pengkaji dalam penghasilan teks yang inklusif, empatik dan responsif terhadap isu kemanusiaan semasa.

Kata Kunci: Autisme; kecerdasan emosi; Malaysia; representasi; sastera kanak-kanak

Abstract: This study arises from the concern that the representation of autism in Malaysian children's literature remains underexplored, particularly in relation to emotional and social development. In this context, literature serves as an important medium for fostering empathy and understanding of human diversity. Therefore, this study examines the relationship between Emotional Intelligence (EQ) and the representation of autism in the novel *Chempaka dengan Piano* by Nisah Harun. The objectives of this study are to (i) identify how the author constructs an autistic character through aspects of emotional intelligence, and (ii) analyse the implications of this representation for children's comprehension and empathy toward the real-life experiences of individuals with autism. A qualitative approach was employed, using textual analysis based on Daniel Goleman's Emotional Intelligence (EQ) theory. Data were gathered through close reading, thematic coding, and interpretation of narrative elements, character development, and dialogue related to emotions and social interactions. The findings indicate that the author employs subtle and layered storytelling strategies to

highlight the feelings, empathy, and social relationships of the autistic character. This representation offers readers a deeper understanding of the lived experiences of individuals with autism. The study contributes to the enrichment of Malaysian children's literature as a vehicle for emotional and social education, while serving as a reference for writers, educators, and researchers in producing inclusive, empathetic, and socially responsive literary texts.

Keywords: Autism; emotional quotient; Malaysia; representation; children's literature

Pengenalan

Kecerdasan Emosi atau *Emotional Quotient* (EQ) merujuk kepada keupayaan seseorang untuk mengenal pasti, memahami, mengurus dan mengekspresikan emosi diri serta berinteraksi secara berkesan dengan emosi orang lain (Goleman, 1995). Dalam konteks kanak-kanak, keupayaan ini sangat penting bagi menyokong perkembangan sosial, akademik dan psikologi yang seimbang. Menurut Salovey dan Mayer (1990), EQ yang kukuh membantu kanak-kanak mengawal tekanan, mengatasi cabaran sosial dan membina hubungan yang harmoni. Namun, bagi kanak-kanak autisme, penguasaan komponen EQ sering menjadi cabaran akibat perbezaan dalam pemprosesan hubungan sosial, bahasa dan komunikasi.

Dalam kesusasteraan kanak-kanak, representasi watak autisme semakin mendapat perhatian sejajar dengan gerakan global untuk meningkatkan kesedaran dan penerimaan terhadap kepelbagaian neurologi (*neurodiversity*). Representasi yang tepat, sensitif dan bebas stereotaip berperanan sebagai medium pendidikan nilai empati, toleransi dan inklusif kepada pembaca terutamanya golongan muda (Nikolajeva, 2014). Di Malaysia, meskipun terdapat karya kanak-kanak yang mengangkat tema pendidikan moral dan sosial, namun kajian tentang representasi autisme khususnya dari sudut Kecerdasan Emosi (EQ) masih terbatas (Nor Faridah Abdul Manaf, 2010).

Novel *Chempaka dengan Piano* karya Nisah Haron (2024) menonjolkan pengalaman hidup seorang kanak-kanak autisme melalui naratif yang mesra terhadap pembaca kanak-kanak. Penggunaan elemen muzik sebagai medium komunikasi emosi memberikan lapisan makna yang unik dalam penceritaan. Kajian ini berfokus kepada dua objektif utama: (i) mengenal pasti cara pengarang membina watak autisme melalui aspek kecerdasan emosi dalam teks *Cempaka dengan Piano* dan (ii) menganalisis implikasi representasi tersebut terhadap pemahaman pembaca kanak-kanak dalam kehidupan.

Kajian ini penting kerana literatur terdahulu menunjukkan hubungan rapat antara Kecerdasan Emosi (EQ) dengan pemahaman bacaan terutamanya dalam teks naratif. Hal ini demikian kerana, keupayaan mengesan, memahami dan mengurus emosi bukan sahaja meningkatkan kosa kata dan daya ingatan, malah memperkukuh kemahiran membaca secara keseluruhan penguasaan teks (Sette et al., 2020). Oleh itu, karya kanak-kanak seperti *Chempaka dengan Piano*, yang menampilkan elemen emosi dan watak neurodivergen, berpotensi menjadi medium pembelajaran yang menyokong perkembangan literasi dan kognitif pembaca muda.

Selain itu, kajian meta-analisis mendapati Kecerdasan Emosi (EQ) mempunyai korelasi positif yang signifikan dengan tingkah laku pro-sosial, terutamanya pada usia awal dan dalam konteks budaya Timur (Li et al., 2020). Hal ini membuktikan bahawa naratif yang sarat nilai empati dan pemahaman terhadap perbezaan seperti yang dibawa oleh watak autisme dalam sesebuah teks dapat menyemai sikap positif serta menggalakkan interaksi sosial yang harmoni. Pendekatan sebegini bukan sahaja mendidik, tetapi juga menyokong agenda pendidikan karakter di sekolah (Hromek & Roffey, 2009).

Akhir sekali, representasi autisme melalui lensa Kecerdasan Emosi (EQ) menyumbang kepada pendidikan inklusif yang lebih berkesan. Kajian lepas menunjukkan bahawa intervensi berasaskan pembelajaran sosial dan emosi boleh memperbaiki regulasi emosi, komunikasi dan persepsi terhadap kanak-kanak autisme (Trevisan et al., 2021). Dalam konteks ini, *Chempaka dengan Piano* bukan sekadar karya kreatif tetapi juga bahan yang berpotensi digunakan oleh guru dan ibu bapa untuk meningkatkan kesedaran, penerimaan dan sokongan terhadap komuniti neurodivergen (Nikolajeva, 2014).

Sehubungan dengan itu, Jurang kajian wujud kerana kebanyakan penyelidikan terdahulu tentang kesusasteraan kanak-kanak di Malaysia menumpukan pada nilai moral, warisan budaya atau unsur didaktik (Siti Hajar Abdul Aziz, 2013; Nur Hidayah Abu Bakar, 2019). Sebaliknya, kajian yang meneliti watak autisme melalui lensa kecerdasan emosi masih kurang dilakukan. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada perbendaharaan ilmu dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak, malah mempunyai implikasi penting kepada pendidikan khas, perkembangan psikologi dan literasi emosi kanak-kanak di Malaysia.

Sorotan Literatur

Kajian terhadap karya sastera Malaysia sering berdepan cabaran dalam memahami dan meneliti representasi identiti kebangsaan yang terkandung di dalam sesebuah teks. Walaupun terdapat banyak penelitian yang membicarakan aspek estetika, gaya bahasa dan naratif (Hashim Awang et al., 2003), perbincangan tersebut membentuk, mencabar atau mengukuhkan wacana tentang Malaysia sebagai sebuah entiti politik, sosial dan budaya masih terbatas. Hal ini menjadi lebih kompleks apabila karya-karya tersebut dihasilkan dalam konteks pascakolonial. Penulis menggabungkan unsur tradisi, pengalaman penjajahan dan pengaruh global dalam pembentukan identiti watak serta latar cerita. Tambahan pula, perkembangan sejarah, perubahan dasar negara serta hubungan antara kaum turut mempengaruhi proses representasi ini. Misalnya, karya sastera yang dihasilkan pada era awal kemerdekaan cenderung menekankan semangat kebangsaan dan perpaduan, manakala karya pasca-modern mempamerkan kerencaman identiti yang lebih bersifat plural dan fragmentari.

Konteks di Malaysia bukan sekadar berfungsi sebagai pengelasan geografi tetapi sebagai penanda makna yang mengaitkan teks dengan kerangka sejarah, budaya dan politik negara. Tanpa pengkhususan ini, pembacaan terhadap karya sastera berisiko terlepas konteks yang membentuk naratif dan watak. Justeru, kajian ini berusaha meneliti representasi Malaysia dalam karya sastera tempatan dengan menumpukan kepada cara identiti negara dibentuk dan dipersembahkan dalam teks kreatif yang mengandungi tema sosial dan psikologi kontemporari. Dalam hal ini, Hashim Awang et al. (1998) menghimpunkan pelbagai perbincangan kritikal tentang hubungan antara sastera Melayu dan sosiobudaya dalam menghadapi cabaran alaf baharu. Mereka menegaskan sastera bukan sekadar medium estetika, sebaliknya wahana yang mencerminkan nilai, identiti dan perubahan sosial masyarakat Melayu. Penekanan kepada nilai budaya serta peranan sastera dalam membentuk kesedaran kebangsaan menjadikannya asas penting untuk memahami representasi identiti dalam teks kreatif, termasuk dalam genre sastera kanak-kanak.

Kajian oleh Salman Firdaus Sidek et al. (2014) memberi tumpuan kepada analisis unsur nilai murni dan pembentukan sahsiah kanak-kanak. Mereka berpendapat, penceritaan yang baik bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan tetapi turut mengandungi mesej moral dan emosi yang mampu membentuk empati, pengurusan diri serta kesedaran sosial kepada pembaca muda. Hal ini mengukuhkan pandangan bahawa sastera kanak-kanak berpotensi menjadi medium pembelajaran nilai dan emosi. Unsur emosi yang digarap melalui naratif, watak dan konflik menjadi saluran memperlihatkan keupayaan sastera memupuk kepekaan terhadap perasaan dan keunikan individu. Maka, hubungan antara nilai murni, empati dan pengurusan emosi yang diangkat oleh Salman Firdaus Sidek et al. (2014) selari dengan teori Kecerdasan Emosi (EQ) oleh Daniel Goleman sebagai komponen penting dalam perkembangan kanak-kanak. Kesedaran ini membuka ruang kepada kajian yang lebih mendalam tentang sastera kanak-kanak Malaysia, terutama pengalaman psikososial yang kompleks seperti autisme dalam kerangka yang lebih empatik dan inklusif.

Hal ini juga berkaitan dengan model awal kecerdasan emosi yang diperkenalkan oleh Salovey dan Mayer (1990) yang menekankan kemampuan untuk memantau, menilai dan mengurus emosi diri dan orang lain. Mereka membahagikan Kecerdasan Emosi (EQ) kepada tiga domain utama: (i) penilaian dan ekspresi emosi, (ii) pengawalan emosi dan (iii) penggunaan emosi untuk memudahkan pemikiran. Kerangka ini relevan dengan kajian yang dijalankan kerana menyediakan asas analitik untuk mengkaji watak dalam sesebuah karya yang mempamerkan pemahaman dan regulasi emosi dalam interaksi sosialnya. Jadi perkara ini dapat menyumbang kepada representasi positif autisme dalam sastera kanak-kanak.

Kajian oleh Shahida Hassim et al. (2012) meneliti perkembangan kecerdasan emosi kanak-kanak prasekolah yang mempunyai masalah pendengaran serta implikasinya terhadap penglibatan ibu bapa. Hasil kajian menunjukkan bahawa kekangan komunikasi memberi kesan terhadap perkembangan komponen emosi

seperti pengenalan emosi, kawalan sendiri dan empati. Namun, penglibatan aktif ibu bapa dalam intervensi dan pendidikan awal mampu membantu kanak-kanak ini membina kemahiran emosi yang lebih baik. Dapatan ini memberi petunjuk bahawa dalam kesusasteraan kanak-kanak, penceritaan yang menggambarkan interaksi positif antara ibu bapa dan anak berkeperluan khas dapat berfungsi sebagai alat sokongan pembelajaran emosi secara tidak langsung.

Seterusnya, kajian Noor Aina Dani (2018) pula menyorot peranan bahan bacaan sastera dalam membentuk kecerdasan emosi murid sekolah rendah di Malaysia. Penelitian longitudinal (kajian berulang/panjang) yang dijalankan terhadap murid Tahun Tiga dan Tahun Lima mendapati bahawa ikon emosi dalam naratif bukan sahaja meningkatkan daya ingatan dan pemahaman bacaan. Malah hal ini juga menyumbang kepada pengayaan kosa kata dan pengukuhan kemahiran kognitif secara keseluruhannya. Penemuan ini relevan bagi kajian ini, kerana novel yang dikaji menggabungkan wawasan emosi dengan watak neurodivergen (kepelbagaian pemikiran/otak). Hal ini berpotensi memperkukuh literasi emosi pembaca muda dalam menyokong perkembangan pemahaman terhadap autisme dalam konteks budaya tempatan.

Selain itu, kajian oleh Mohd Shafiee Hamzah (2020) meneliti kepentingan pendidikan inklusif dalam kesusasteraan kanak-kanak, khususnya dalam menggambarkan watak yang mewakili kepelbagaian keupayaan dan latar belakang. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendedahan awal terhadap naratif inklusif dapat membentuk empati, mengurangkan stereotaip dan meningkatkan penerimaan sosial dalam kalangan murid sekolah rendah. Kajian ini berkait rapat dengan penyelidikan semasa kerana novel yang dikaji memaparkan representasi positif autisme. Jadi hal ini bukan sahaja memberi kesedaran kepada khalayak, malah mampu menjadi alat pedagogi untuk memperkukuh pendidikan inklusif di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, kajian oleh Wiseman et al. (2025) dalam jurnal *The Reading Teacher* menunjukkan bahawa strategi analisis watak dalam buku bergambar berpotensi besar untuk meningkatkan kecerdasan emosi kanak-kanak. Melalui penceritaan yang kaya dengan isyarat emosi, baik secara verbal mahupun visual murid dapat mengenal pasti, menamakan, dan memahami perasaan kompleks yang dialami watak. Penulis menekankan bahawa kaedah ini bukan sahaja memperkukuh empati dan pemikiran kritis tetapi juga membantu murid membina keupayaan membuat inferens berdasarkan konteks naratif. Relevannya terhadap kajian ini adalah jelas kerana novel yang akan diteliti memaparkan perjalanan emosi watak neurodivergen. Hal ini memberi ruang kepada pembaca muda untuk mempraktikkan pemahaman emosi secara mendalam sambil membina gambaran positif tentang autisme.

Kajian oleh Maria Nikolajeva (2014) pula meneliti hubungan rapat antara kesusasteraan kanak-kanak dengan pembangunan teori minda (*theory of mind*) dan Kecerdasan Emosi (EQ). Beliau berhujah bahawa penceritaan dalam buku kanak-kanak berupaya menjadi alat pedagogi yang berkesan untuk membantu pembaca muda memahami perspektif, niat dan emosi orang lain. Melalui naratif dan pembangunan watak yang kompleks, kanak-kanak dilatih untuk membaca isyarat emosi, menilai motivasi dan membina empati. Penemuan ini amat signifikan kepada kajian yang hendak dilakukan kerana watak dalam novel yang akan dikaji adalah autisme. Jadi semua ini memberikan peluang kepada pembaca untuk melihat dunia dari sudut pandang neurodivergen lantas memperkukuh literasi emosi serta kesedaran sosial.

Seterusnya, dalam aspek representasi autisme dalam kesusasteraan khususnya di Malaysia kajian oleh Barnes (2018) memberi tumpuan kepada peranan buku bergambar dan naratif kanak-kanak dalam memupuk empati serta kesedaran sosial melalui pendedahan kepada kepelbagaian pengalaman hidup dan latar budaya. Beliau mendapati bahawa penceritaan yang menggabungkan emosi kompleks dan perspektif pelbagai kumpulan termasuk individu berkeperluan khas dapat meningkatkan keupayaan kanak-kanak untuk memahami serta menghargai perbezaan. Kajian ini menyokong idea bahawa penggambaran watak neurodivergen dalam sesebuah karya sahaja relevan untuk pembangunan literasi emosi serta juga memperkukuh asas pendidikan inklusif dan nilai pro-sosial dalam kalangan pembaca muda.

Dalam konteks Malaysia, kajian oleh Farrah Wahida Haron dan Nor Hashimah Jalaluddin (2019) meneliti peranan bahasa kiasan dan metafora emosi dalam karya sastera kanak-kanak Melayu, khususnya tentang unsur linguistik yang membentuk persepsi, empati dan kefahaman emosi pembaca muda. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan metafora emosi yang konsisten dan mudah diakses dapat membantu kanak-kanak mengenal pasti serta mengurus perasaan sendiri, di samping meningkatkan keupayaan mereka untuk

memahami pengalaman watak-watak lain. Penemuan ini memperkukuh hujah bahawa pengolahan naratif berunsur emosi dalam sesebuah cerita seperti novel atau cerpen mampu menyokong pembangunan literasi emosi dan sosial pembaca sambil mengangkat nilai budaya tempatan.

Selain itu, kajian oleh Jessica Ong Hai Liaw (2011) membincangkan pendekatan pengajaran bahasa Melayu kepada kanak-kanak autisme dengan penekanan kepada kaedah komunikasi visual, aktiviti interaktif dan penggunaan bahan bantu yang sesuai dengan tahap kognitif mereka. Artikel ini menegaskan bahawa pembelajaran bahasa bukan sahaja melibatkan penguasaan kosa kata dan struktur ayat tetapi juga perkembangan aspek emosi dan sosial pelajar autisme. Dapatan ini relevan dengan kajian sastera kanak-kanak kerana menunjukkan tentang bahasa dan naratif boleh digunakan untuk membina empati, memahami perasaan watak serta memupuk kemahiran sosial. Jadi hal ini selaras dengan elemen kecerdasan emosi yang ingin diterokai.

Manakala, kajian oleh Nurul Aini Omar dan Siti Marziah Zakaria (2019) meneliti hubungan antara gaya keibubapaan, kecerdasan emosi dan masalah tingkah laku kanak-kanak. Dapatan mereka menunjukkan bahawa gaya keibubapaan yang responsif dan menyokong perkembangan emosi dapat meningkatkan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak lantas mengurangkan masalah tingkah laku. Implikasi kajian ini terhadap kesusasteraan kanak-kanak adalah penceritaan yang memaparkan hubungan keluarga yang positif dan sokongan emosi boleh menjadi model teladan kepada pembaca muda. Selain itu juga berperanan sebagai medium pendidikan emosi secara tidak langsung.

Seterusnya, kajian oleh McCrimmon dan Montgomery (2014), meneliti hubungan antara pengajaran kesusasteraan kanak-kanak dengan pengembangan kemahiran kesedaran sosial dan regulasi emosi dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Mereka mendapati bahawa teks naratif yang mengandungi watak dengan pelbagai latar belakang emosi termasuk yang memaparkan perbezaan keupayaan atau neurodivergen dapat menjadi medium efektif untuk membimbing pelajar memahami perspektif orang lain. Pengkaji menekankan bahawa integrasi unsur *social-emotional learning* (SEL) dalam pengajaran literatur memberi kesan positif terhadap empati, sikap inklusif dan tingkah laku pro-sosial. Penemuan ini menyokong potensi karya sastera sebagai alat pedagogi untuk memupuk literasi serta memperkukuh kecerdasan emosi pembaca muda.

Akhir sekali, Kajian oleh terkini oleh Arunasalam et al. (2024) menekankan kepentingan pemahaman masyarakat, khususnya ibu bapa, terhadap Autisme Spektrum (ASD) dalam konteks Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran dan kefahaman yang masih terhad boleh menjejaskan penerimaan sosial serta peluang perkembangan kanak-kanak autistik. Penemuan ini penting kerana memperlihatkan keperluan wacana yang lebih inklusif dalam medium budaya, termasuk sastera kanak-kanak bagi membentuk empati dan kefahaman terhadap dunia autisme. Dalam konteks yang berbeza, Kanesan dan Fauzan (2024) pula mengulas pelbagai model Kecerdasan Emosi (EQ) dengan menekankan peranan komponen seperti kesedaran diri, empati dan pengurusan emosi dalam pembentukan keperibadian serta hubungan sosial. Sinergi antara kedua-dua kajian ini mengukuhkan asas teoretikal untuk memahami sastera kanak-kanak mampu menjadi wadah representasi sosial dan emosi yang menggambarkan cabaran golongan autistik dalam menyemai kecerdasan emosi dalam kalangan pembaca muda.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian ini menunjukkan bahawa kecerdasan emosi merupakan elemen penting dalam perkembangan kanak-kanak termasuk mereka yang berkeperluan khas seperti autisme atau masalah pendengaran. Peranan ini semakin diiktiraf dalam konteks sastera, pendidikan dan pengasuhan. Kajian-kajian terdahulu, sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa menekankan kepentingan mengenal pasti, memahami dan mengaplikasikan komponen emosi seperti kesedaran diri, kawalan sendiri, empati dan kemahiran sosial. Dalam sastera kanak-kanak, penceritaan yang menampilkan watak berkeperluan khas secara positif bukan sahaja memperkukuh kefahaman pembaca terhadap kepelbagaian tetapi juga berpotensi membina sikap inklusif dan empati sejak usia awal. Walaupun pelbagai kajian telah membincangkan kecerdasan emosi dalam pendidikan dan perkembangan kanak-kanak, masih wujud jurang dalam penerokaan representasi Kecerdasan Emosi (EQ) khususnya dalam karya sastera kanak-kanak di Malaysia, terutamanya yang berfokus pada watak autisme.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis teks bagi meneliti manifestasi komponen *Kecerdasan Emosi (EQ)* dalam watak utama *Chempaka* serta strategi penceritaan pengarang dalam membentuk imej positif autisme dalam kesusasteraan kanak-kanak Malaysia. Pemilihan teks utama, *Chempaka dengan Piano* karya Nisah Haron (2016), dibuat secara purposif kerana karya ini ditulis untuk khalayak kanak-kanak dan awal remaja yang memaparkan pengalaman watak autistik dengan penuh empati serta berpotensi membina kefahaman sosial dan emosi dalam kalangan pembaca muda.

Kajian ini berasaskan Model Kecerdasan Emosi (EQ) oleh Daniel Goleman (1995) yang menekankan lima domain utama iaitu kesedaran diri, pengurusan diri, motivasi, empati dan kemahiran sosial. Model ini digunakan sebagai kerangka analisis untuk mengenal pasti cara pengarang menggambarkan perasaan, interaksi sosial dan perkembangan emosi watak utama. Analisis dijalankan melalui tiga peringkat pengekodan: pertama, pengekodan deduktif bagi mengenal pasti petikan teks yang mencerminkan lima domain EQ; kedua, pengekodan induktif bagi meneliti tema tambahan seperti motif sensori, stigma sosial, sokongan komuniti, dan agensi watak; dan ketiga, penggabungan kedua-dua jenis kod bagi membentuk tema utama yang menjelaskan hubungan antara emosi, naratif dan penerimaan pembaca.

Pemetaan data dilakukan dengan mengaitkan setiap domain EQ kepada petikan teks dan tafsiran bagi menelusuri implikasi terhadap pembinaan empati pembaca kanak-kanak. Bagi menjamin kesahihan, kajian ini melibatkan semakan rakan sebaya (peer debrief) dan jejak audit melalui memo analitik untuk memastikan konsistensi tafsiran. Sesi analisis kedua turut dijalankan terhadap petikan yang bersifat kompleks bagi memperkukuh keandalan data. Kajian ini turut mematuhi pertimbangan etika dan bahasa inklusif, dengan mengutamakan istilah *person-first* seperti kanak-kanak dengan autisme bagi mengelakkan stereotaip dan mengekalkan kepekaan terhadap nilai budaya serta matlamat pendidikan inklusif di Malaysia.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Perbincangan dapatan kajian adalah berdasarkan analisis teks yang telah dijalankan terhadap karya yang memaparkan watak *Chempaka* dengan tumpuan khusus pada manifestasi komponen Kecerdasan Emosi (EQ) dan strategi penceritaan pengarang. Berikut adalah komponen utama dalam dapatan kajian ini:

1. Sinopsis novel *Chempaka dengan Piano* oleh Nisah Haron

Novel kanak-kanak ini diterbitkan oleh Persatuan Penulis Nasional (PENA) pada tahun 2025 melalui inisiatif belanjawan dengan projek khas: Buku PENA Malaysia MADANI. Novel setebal 128 halaman ini mengisahkan seorang kanak-kanak yang mengidap autisme bernama *Chempaka* atau *Chem*. *Chempaka* diberi status Orang Kelainan Upaya (OKU) dengan ciri khas yang perlu dipenuhi. Namun cabaran hidupnya bermula apabila berpindah ke sekolah biasa (arus perdana) dan perlu hidup dan bergaul dengan kawan-kawan yang normal. Ketika di sekolah lama, *Chempaka* di tempat di kelas khas bersama rakan-rakan yang sealiran. Namun, di sekolah baharu semua itu tidak disediakan.

Chempaka mengalami masalah gangguan terhadap bunyi bising. Segala bingit yang berada berhampirannya boleh didengari dengan jelas. Malah jika keterlaluan boleh menyebabkan dirinya terasa sakit (kepala) dan terbeban (lesu/letih). Jadi untuk mengatasi masalah tersebut ibu *Chempaka* memberikan fon kepala yang bersambung dengan alat muzik (telefon). Fon kepala yang berbentuk seperti telinga kucing itu menjadi perhatian rakan-rakannya terutama Amir Mustafa dan Balqis.

Selepas kembali daripada program lawatan kelas dan kehilangan *Chempaka* dan Amir Mustafa, pihak sekolah, guru, ibu bapa dan rakan-rakan *Chempaka* mula mengetahui dan simpati dengan masalah yang dihadapi oleh *Chempaka*. Maka guru besar dan beberapa orang ibu bapa mula membantu *Chempaka* untuk hidup tenang bergaul dengan masyarakat sekeliling yang normal.

2. Manifestasi Komponen Kecerdasan Emosi (EQ)

Analisis teks mendapati watak *Chempaka* memperlihatkan kelima-lima komponen utama kecerdasan emosi seperti yang digariskan oleh Goleman (1995), iaitu kesedaran diri, pengurusan emosi, motivasi, empati dan kemahiran sosial. Berikut adalah perbincangan tersebut;

Kesedaran Diri (Self-Awareness)

Analisis teks menunjukkan bahawa watak Chempaka memiliki tahap kesedaran diri yang tinggi, iaitu keupayaan mengenal pasti emosi serta kesannya terhadap pemikiran dan tindakannya. Petikan seperti *“Ibu ketawa kecil dan merangkulku. Aku suka berada dalam pelukannya yang kemas, hangat, tetapi tidak boleh terlalu lama. Aku akan berasa rimas.”* (hlm. 7) menggambarkan kesedaran Chempaka terhadap tindak balas sensori dirinya. Suatu ciri tipikal dalam spektrum autisme yang sering dikaitkan dengan kepekaan terhadap rangsangan fizikal. Dalam konteks ini, kesedaran diri bukan sekadar refleksi emosi, tetapi juga bentuk adaptasi terhadap overstimulation yang sering dialami oleh individu autistik (Salman Firdaus Sidek et al., 2014).

Begitu juga dalam petikan *“Kalau kita ini di dunia lain, kita ini boleh jadi macam superhero! Dunia nyata panas, bising, dan penuh dengan murid yang suka terpekik-pekik.”* (hlm. 17–18), Chempaka memperlihatkan bentuk kesedaran diri imaginatif yang berfungsi sebagai strategi pengawalan emosi (*emotion regulation*). Imaginasi menjadi ruang selamat bagi menyeimbangkan tekanan sosial dan rangsangan berlebihan. Namun di sebalik fungsi perlindungan ini, wujud ketegangan analitik iaitu empati dan penerimaan sosial daripada rakan-rakan boleh membantu regulasi emosi. Dalam situasi bilik darjah sebenar pula, persekitaran yang terlalu bising atau penuh stimulasi mungkin mengatasi kemampuan strategi kawalan emosi tersebut.

Implikasinya terhadap reka bentuk bilik darjah ialah keperluan mewujudkan ruang deria terkawal (*sensory-friendly classroom*) yang mengambil kira tahap sensitiviti murid autisme. Pendekatan ini selari dengan model intervensi berasaskan EQ yang menekankan keseimbangan antara kesedaran diri dan persekitaran sosial untuk membina kestabilan emosi dan kemahiran adaptasi di sekolah.

Pengurusan Diri (Self-Regulation)

Aspek pengurusan diri dalam diri watak Chempaka memperlihatkan keupayaannya mengawal emosi negatif dan menyesuaikan diri terhadap tekanan sosial melalui strategi peribadi yang tenang dan terkawal. Petikan seperti *“Aku merangkul Piano. Aku suka bulunya yang gebu itu.”* (hlm. 3) dan *“Piano, di mana kau? Aku mahu terus bercerita semua yang aku alami, kerana tidak ada sesiapa yang faham.”* (hlm. 9) memperlihatkan Chempaka menggunakan haiwan peliharaan sebagai saluran emosi dan simbol kestabilan psikologi. Dalam konteks wacana autisme, tindakan ini mencerminkan bentuk *self-soothing* iaitu satu mekanisme pengurusan diri yang membantu individu menenangkan tekanan deria dan sosial tanpa kebergantungan kepada interaksi manusia (Shahida Hassim et al., 2012).

Petikan lain seperti *“Aku mendapat rasa lega yang tidak pernah ada pada hari biasa. Aku dapat menjawab lebih awal daripada orang lain.”* (hlm. 19) memperlihatkan kepuasan intrinsik yang muncul apabila berjaya mengawal emosi dan memberi tindak balas positif terhadap situasi akademik. Namun, ketegangan analitik turut muncul dalam pernyataan *“Aku mahu pulang dan memeluk Piano... Aku peluk beg itu erat-erat. Aku bayangkan ia Piano.”* (hlm. 21), yang menggambarkan usaha menggantikan interaksi sebenar dengan fantasi sensori bagi mengekalkan kestabilan emosi. Di sinilah batas antara pengawalan emosi dan kebergantungan deria menjadi kompleks apabila strategi kawalan diri berpotensi berubah menjadi penghindaran sosial (*emotional withdrawal*).

Dari sudut implikasi praktikal, hal ini menunjukkan pentingnya aktiviti berasaskan deria dan empati misalnya, *sensory breaks* atau latihan *mindfulness* yang membolehkan murid autisme menstabilkan emosi sebelum berinteraksi semula. Pendekatan ini dapat menyeimbangkan antara keperluan pengawalan diri dan kemahiran sosial seiring dengan matlamat pengajaran inklusif yang berteraskan kecerdasan emosi.

Motivasi (Motivation)

Motivasi dalam diri watak Chempaka mencerminkan dorongan dalaman untuk menyesuaikan diri dengan rutin sosial dan akademik, walaupun berhadapan cabaran emosi serta rangsangan deria yang berlebihan. Petikan seperti *“Chempaka pergi mandi. Kejap lagi ayah pulang, kita boleh makan sama-sama. Malam boleh siapkan kerja rumah.”* (hlm. 7), memperlihatkan usaha Chempaka membentuk disiplin sendiri yang dipupuk melalui rutin keluarga iaitu suatu bentuk motivasi yang berakar daripada kestabilan persekitaran domestik. Dalam

konteks autisme, struktur rutin sebegini menjadi sumber keselamatan psikologi yang menggalakkan konsistensi emosi dan motivasi untuk berfungsi dalam persekitaran sosial (Mohd Shafiee Hamzah, 2020).

Seterusnya, petikan "*Bukankah sekolah ini lebih cantik daripada sekolah lama dulu? Cikgu-cikgunya pun nampak baik juga.*" (hlm. 8), menunjukkan motivasi yang dipengaruhi oleh sokongan luaran khususnya daripada ibu dan persekitaran sekolah yang positif. Begitu juga dalam petikan "*Ibu dan ayah membawa aku ke taman permainan supaya aku dapat berlari-lari...*" (hlm. 13), menggambarkan pengukuhan motivasi melalui aktiviti sensori dan sosial yang terkawal. Bagi individu autisme, penglibatan dalam aktiviti fizikal yang menyenangkan bukan sahaja merangsang keseimbangan emosi tetapi juga meningkatkan keupayaan untuk berinteraksi dalam suasana sosial yang sederhana.

Namun, petikan "*Waktu yang paling aku sukai ialah musim peperiksaan... seluruh bangunan akan menjadi sepi.*" (hlm. 19) memperlihatkan sisi ambivalen motivasi Chempaka, iaitu ketenangan (bukan kemenangan) menjadi matlamat utama. Hal ini menimbulkan ketegangan analitik; motivasi Chempaka berorientasikan kestabilan emosi berbanding pencapaian luaran. Bagi memberi galakan inklusif, perkara sebegini menuntut guru (pihak yang terlibat) untuk menilai semula konsep motivasi belajar bukan sekadar pada ganjaran atau markah yang sempurna tetapi kepada keadaan persekitaran yang mesra deria dan menenangkan bagi murid neurodivergen.

Empati (Empathy)

Empati dalam watak Chempaka dan persekitarannya memperlihatkan keupayaan memahami serta memberi respons terhadap emosi dan keperluan orang lain secara bersesuaian. Petikan seperti "*Marilah cerita kepada ibu tentang porpo ... apa namanya?*" (hlm. 6), menunjukkan ibu berusaha memahami minat khusus Chempaka terhadap sesuatu, meskipun tidak sepenuhnya menguasai istilah tersebut. Tindakan ini menggambarkan bentuk empati praktikal yang bukan sekadar memahami emosi tetapi juga mengiktiraf minat istimewa (*special interest*) sebagai medium komunikasi emosi bagi kanak-kanak autisme. Dalam konteks pendidikan inklusif, pendekatan sebegini membolehkan guru menggunakan minat pelajar sebagai pintu masuk kepada interaksi sosial dan pembelajaran yang bermakna.

Petikan "*Orang buang? Boleh bawa balik, ayah?*" (hlm. 14) pula memperlihatkan empati timbal balik daripada Chempaka sendiri terhadap makhluk lain, khususnya terhadap kucing yang dianggap dibuang. Dalam konteks autisme, reaksi sebegini menolak stereotaip bahawa individu autistik tidak berperasaan atau kurang empati. Sebaliknya, mereka memiliki bentuk empati yang berbeza iaitu seringkali berakar daripada sensitiviti tinggi terhadap penderitaan dan perubahan persekitaran. Hal ini selari dengan pandangan Barnes (2018) bahawa empati bukan hanya reaksi emosi spontan, tetapi satu bentuk pemahaman mendalam terhadap penderitaan yang disampaikan melalui bahasa bukan verbal.

Sementara itu, petikan "*Maklumkan kepada guru yang bertugas, supaya mereka faham kepentingan headphone ini kepada Chempaka.*" (hlm. 38) menunjukkan empati profesional melalui peranan ahli terapi pekerjaan (OT Anna) yang memahami keperluan sensori Chempaka dan komunikasikannya kepada warga sekolah. Tindakan ini bukan sekadar menunjukkan empati individu tetapi membentuk empati sistemik yang menuntut adaptasi struktur pendidikan terhadap keperluan neurodivergen. Terdapat juga ketegangan analitik di sini iaitu empati sosial yang melindungi boleh dengan mudah bertukar menjadi *over-accommodation* jika tidak diiringi kefahaman sebenar tentang keseimbangan sensori dan autonomi pelajar autistik.

Dari segi implikasi pedagogi, aspek ini mencadangkan bahawa empati dalam konteks bilik darjah bukan sekadar sifat peribadi guru tetapi harus diterjemahkan dalam strategi sokongan deria, komunikasi dan hubungan sosial yang berempati terhadap keperluan sebenar pelajar autistik.

Kemahiran Sosial (Social Skills)

Kemahiran sosial dalam watak Chempaka memperlihatkan kebolehan membina, mengekalkan dan mengurus hubungan sosial dalam ruang yang selamat dan terkawal iaitu satu cabaran yang lazim dihadapi individu dalam spektrum autisme. Petikan "*Okay, Chem main dulu di situ. Saya mahu berbincang dengan ibu kamu, ya.*" *Aku mengangguk-angguk kerana diberi peluang menyambung bermain trampolin* (hlm. 24), menunjukkan pengasuh dan orang dewasa di sekelilingnya memahami keperluan ruang peribadi Chempaka. Reaksi

mengangguk-angguk itu bukan hanya tanda patuh, tetapi bentuk komunikasi bukan verbal yang mencerminkan keselesaan dalam interaksi sosial yang tidak menuntut terlalu banyak rangsangan. Hal ini memperlihatkan keseimbangan antara empati sosial dan kawalan diri, selaras dengan domain EQ Goleman (1995) berkaitan regulasi dan kemahiran sosial yang saling bertaut.

Petikan “*Dia sedang menyesuaikan diri di sekolah baharunya... Mujur guru besar di sekolah baharu itu tampak berminat dengan pendidikan inklusif.*” (hlm. 27) pula menampilkan peranan komuniti pendidikan dalam menyokong kemahiran sosial Chempaka. Dialog ibu menggambarkan wujudnya kesedaran sistemik tentang keperluan inklusif bagi pelajar autisme, menandakan bahawa kemahiran sosial tidak boleh berkembang dalam ruang individu semata-mata tetapi perlu dipupuk melalui struktur sosial yang memahami neurodivergen. Di sini, toleransi sosial digambarkan bukan sekadar penerimaan, tetapi juga tindakan aktif menyesuaikan persekitaran agar anak autistik dapat berinteraksi dengan lebih selamat.

Sementara itu, petikan “*Masing-masing datang dengan ibu bapa mereka... kami yang anak-anak ini dapat bergembira menonton anime.*” (hlm. 98) menonjolkan bentuk kemahiran sosial yang dibina melalui aktiviti bersama iaitu tontonan dan minat kolektif. Aktiviti seperti ini mengurangkan tekanan sosial kerana dapat memberi fokus bersama (*joint attention*) tanpa menuntut komunikasi lisan berlebihan. Dalam konteks wacana autisme, memperlihatkan kemahiran sosial bukan semata-mata kebolehan bergaul tetapi juga kemampuan untuk berkongsi ruang sosial dengan selesa dalam situasi yang dapat dikawal tahap stimulusnya (Nikolajeva, 2014).

Ketegangan analitik muncul apabila empati sosial yang tinggi daripada persekitaran boleh membantu kemahiran sosial Chempaka berkembang, namun *over-stimulation* atau terlalu banyak interaksi fizikal juga berpotensi mengatasi strategi regulasi dirinya. Implikasi terhadap keadaan sekeliling adalah pentingnya ruang sosial berstruktur, misalnya aktiviti kumpulan kecil, penggunaan alat bantu visual, atau zon tenang untuk memastikan pelajar autistik dapat melatih kemahiran sosial mereka tanpa tekanan deria berlebihan.

Secara keseluruhan, analisis kelima-lima domain Kecerdasan Emosi (EQ) menunjukkan bahawa Chempaka bukan sekadar digambarkan sebagai kanak-kanak dalam spektrum autisme tetapi sebagai individu yang mempunyai keupayaan emosi yang kompleks dan bermakna. Kesedaran diri Chempaka terserlah melalui keupayaannya mengenal pasti perasaan sendiri dalam situasi mencabar; pengurusan diri pula tergambarkan melalui strategi mengawal tindak balas terhadap rangsangan berlebihan; motivasi diperlihatkan dalam kesungguhannya mengejar minat peribadi seperti muzik; empati dizahirkan dalam kepekaannya terhadap emosi orang lain meskipun secara tersirat; manakala kemahiran sosial berkembang hasil sokongan sekeliling yang memahami keperluan neurodivergen. Penemuan ini menegaskan bahawa representasi autisme dalam *Chempaka dengan Piano* menolak stereotaip pasif dan menggantinya dengan citra yang empatik dan berdaya emosi. Justeru, sejajar dengan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995), karya ini membuktikan bahawa apabila diberikan ruang, kefahaman dan konteks sosial yang inklusif, individu autistik dapat menampilkan kecekapan emosi yang setara dengan kanak-kanak tipikal.

3. Strategi Penceritaan Pengarang

Pengarang menggunakan beberapa strategi penceritaan yang efektif untuk membentuk imej positif watak autisme, antaranya (i) penceritaan berfokus perspektif dalaman (*internal focalization*) bagi membolehkan pembaca memahami dunia dalaman Chempaka, (ii) penggunaan bahasa yang sarat dengan imej sensori untuk menggambarkan pengalaman uniknya dan (iii) plot berstruktur progresif yang menunjukkan perkembangan keupayaan sosial watak. Seterusnya, (iv) penggunaan teknik dialog yang terkawal serta (v) penggunaan naratif yang selari dengan perkembangan emosi Chempaka juga membantu menonjolkan sisi positif autisme tanpa stereotaip negatif.

Penceritaan Berfokus Kepada Perspektif Dalaman (Internal Focalization)

Penggunaan perspektif dalaman dalam *Chempaka dengan Piano* membolehkan pembaca menelusuri dunia batin watak utama secara empatik, sekali gus memahami cabaran dan keunikan emosi yang dialami oleh individu autistik. Melalui teknik penceritaan berbentuk penceritaan orang pertama, pengarang membuka ruang

introspektif yang memperlihatkan pergulatan dalaman Chempaka terhadap identiti, hubungan sosial, dan keperluan peribadi.

Petikan seperti *“Aku, Rasyida, Emili, dan Young dipanggil ‘budak-budak PPKI’...”* (hlm. 17) memperlihatkan kesedaran diri Chempaka terhadap kedudukannya yang berbeza, namun masih menyimpan keinginan untuk berinteraksi dan diterima dalam komuniti sekolah. Begitu juga dalam petikan *“Telefon ini untuk memasang lagu yang sesuai bagi mengurangkan bunyi lain yang sering mengganggu”* (hlm. 38), pembaca dapat memahami keperluan sensori watak melalui pengalaman dalaman yang sukar diterangkan secara luaran. Dalam petikan *“Aku rasa akulah Myne, si gadis cilik berambut biru....”* (hlm. 70), Chempaka meluahkan identifikasi dirinya dengan watak fiksi lain yang menggambarkan dunia emosi dan imaginasi yang kaya; yakni suatu cerminan keupayaan kognitif dan empati simbolik.

Melalui fokus dalaman ini, pengarang bukan sahaja memberi suara kepada pengalaman autisme dari sudut pandang pertama, tetapi turut menormalkan perbezaan neurologi sebagai sebahagian daripada kepelbagaian manusia. Penceritaan sebegini, seperti dinyatakan oleh Nurul Aini Omar dan Siti Marziah Zakaria (2019), berperanan penting dalam membantu khalayak memahami serta menghargai individu autistik dengan lebih empatik dan inklusif.

Penggunaan Bahasa yang Sarat Dengan Imej Sensori

Pengarang memanfaatkan bahasa yang kaya dengan imej sensori untuk membawa pembaca menyelami pengalaman deria watak autistik. Melalui penggunaan deria pendengaran secara dominan, khalayak dibawa memahami dunia dalaman Chempaka yang dipenuhi rangsangan bunyi, yakni sesuatu yang lazim dialami oleh individu dalam spektrum autisme.

Petikan seperti *“Dunia ini sangat bising... Manusia tidak ada butang yang boleh ditekan seperti alat kawalan jauh...”* (hlm. 17) memperlihatkan persepsi hiper-sensitif Chempaka terhadap bunyi di persekitarannya. Begitu juga dalam petikan *“Aku melayan segala bunyi yang membingitkan – pelbagai! Bunyi deru kipas angin... Bunyi kerusi yang terseret...”* (hlm. 18), pengarang menggunakan deretan bunyi konkrit untuk menimbulkan kesan keterdesakan emosi akibat gangguan sensori yang berlebihan. Sementara itu, dalam petikan, *“Bunyi tapak kaki mereka memanjat platform besi... Aku hidupkan muzik di fon telinga supaya dapat meredakan keadaan sekeliling”* (hlm. 62), adalah tindakan Chempaka menghidupkan muzik mencerminkan strategi pengawalan diri bagi menenangkan tekanan deria yang dialami.

Penggunaan imej sensori ini bukan sekadar memperindah gaya bahasa, tetapi juga berfungsi sebagai jendela empatik yang membolehkan pembaca memahami keunikan persepsi watak autisme terhadap dunia. Seperti yang dijelaskan oleh Faarah Wahida Haron dan Nor Hashimah Jalaluddin (2019), gambaran deria yang realistik ini membantu khalayak mendekati realiti kognitif serta emosi penghidap autisme dengan lebih empati dan kesedaran sosial.

Plot Berstruktur Progresif

Pengarang membina jalan cerita novel ini melalui plot berstruktur progresif yang bergerak secara kronologi, memperlihatkan perkembangan watak autisme dalam menghadapi cabaran hidupnya. Struktur ini bermula dengan pengenalan terhadap dunia dalaman Chempaka, diikuti detik konflik dan ketegangan emosinya, sebelum diakhiri dengan penerimaan diri dan keseimbangan perasaan.

Petikan seperti *“Bukan sahaja telingaku sakit, kepalaku juga berdenyut... Namun begitu, aku terpaksa belajar melawan semua itu”* (hlm. 28), memperlihatkan titik awal perjuangan Chempaka mengawal gangguan sensori yang dialaminya. Ketegangan plot kemudian meningkat melalui petikan *“Aku rasa macam tidak cukup tenaga untuk menyuap nasi... Piano akan datang dan tidur di sebelahku... Aku rasa tenang dengan getaran pada dada dan perutku”* (hlm. 29), yang menunjukkan peralihan emosi daripada keresahan kepada ketenangan hasil sokongan emosi daripada haiwan peliharaannya.

Puncak plot pula digerakkan oleh babak mendebarakan seperti *“Tiga puluh saat berlalu... Satu minit! Belum ada sebarang letupan...”* (hlm. 58–59), yang bukan sahaja membina suspens tetapi melambangkan pertumbuhan keyakinan dan keberanian diri watak utama.

Susunan plot yang progresif ini membolehkan pembaca menelusuri proses pembelajaran emosi dan sosial Chempaka secara berperingkat, menjadikan naratif lebih hidup dan mudah dihayati. Menurut McCrimmon dan Montgomery (2014), struktur kronologi yang berpaksikan perkembangan watak mampu menarik minat pembaca muda sambil mengekalkan fokus terhadap nilai kemanusiaan dan empati dalam cerita.

Teknik Dialog yang Terkawal

Teknik dialog yang terkawal merujuk kepada keupayaan pengarang mengatur perbualan watak secara berfokus, berdisiplin dan tidak berlebihan. Dalam karya ini, dialog digunakan secara terhad bagi menyampaikan maklumat penting serta menggambarkan keperibadian watak autisme tanpa menjejaskan aliran naratif. Petikan seperti *“Ini antara latihan yang baik untuk anak-anak seperti dia, puan.” “Menghidupkan deria Vestibular!” Aku mencelah. Mereka tertawa* (hlm. 24), memperlihatkan cara pengarang menyeimbangkan komunikasi antara Chempaka dan watak dewasa dalam suasana ringan tetapi bermakna.

Begitu juga dengan petikan *“Kanak-kanak dalam kategori sensory processing disorder ini seperti Chempaka...”* (hlm. 25), yang menunjukkan dialog informatif dan terkawal bagi memberi penerangan tentang kondisi watak tanpa berlebihan dari segi emosi atau keterangan. Sementara itu, pertuturan ringkas seperti *“Amir, kau suka Naruto, ‘kan?” “Suka.” “Mari ikut aku!”* (hlm. 66–67), memperlihatkan cara watak berinteraksi secara jujur dan spontan sesuai dengan pola komunikasi individu autisme yang ringkas dan terus kepada maksud.

Penggunaan dialog yang minimal tetapi padat dengan makna ini membolehkan pembaca menelusuri emosi dan pemikiran watak secara tersirat, di samping mengekalkan kesantunan bahasa serta keseimbangan naratif. Menurut Nor Aina Dani (2018), pengawalan dialog dalam karya kanak-kanak dan remaja penting bagi memastikan mesej disampaikan dengan berhemah tanpa mengorbankan nilai estetika dan budaya tempatan.

Penggunaan Naratif yang Selari

Penggunaan naratif yang selari memperlihatkan kecekapan pengarang dalam membangunkan dua atau lebih jalan cerita yang bergerak seiring dari segi tema, watak dan pengalaman tanpa perlu bersilang secara langsung. Melalui teknik ini, pembaca dapat menelusuri pelbagai sudut pandang emosi serta perkembangan sosial watak autisme dalam persekitaran inklusif. Petikan seperti *“Rasyida ada ADHD. Emili ada kad OKU bertulis ‘autisme’ seperti aku”* (hlm. 17), menunjukkan wujudnya dunia selari antara watak-watak berkeperluan khas, yang saling melengkapi dan memperkukuh makna penerimaan diri.

Begitu juga dengan penceritaan linear yang mudah diikuti, contohnya *“Lagipun, ini bukanlah kali pertama aku sampai di KLCC...”* (hlm. 46) dan *“Ibu memang pandai memujuk...”* (hlm. 93), yang menggambarkan keseimbangan antara pengalaman luar dan dunia dalaman Chempaka. Naratif-naratif ini berfungsi bukan sahaja sebagai rangka cerita tetapi juga sebagai ruang empati yang membantu pembaca memahami perjalanan emosi dan proses penyesuaian sosial watak autisme tanpa elemen stereotaip negatif.

Hasil analisis menunjukkan bahawa pengarang secara konsisten menggunakan teknik naratif selari ini untuk menonjolkan kesejajaran antara empati, kesedaran diri dan kemahiran sosial watak Chempaka, sekali gus membentuk imej positif autisme dalam sastera kanak-kanak Malaysia. Pendekatan ini selaras dengan pandangan Goleman (1995) tentang keseimbangan emosi sebagai asas pembentukan peribadi yang sihat, dan turut didukung oleh dapatan Nikolajeva (2014) serta Barnes (2018) yang menegaskan peranan naratif sebagai alat perubahan persepsi sosial. Dalam konteks tempatan, pendekatan ini bertepatan dengan pandangan Farrah Wahida Haron dan Nor Hashimah Jalaluddin (2019) bahawa naratif inklusif berupaya memupuk kefahaman masyarakat serta menghapuskan stigma terhadap autisme.

Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa novel *Chempaka dengan Piano* karya Nisah Harun berjaya menampilkan watak autisme secara positif melalui lensa teori Kecerdasan Emosi (EQ) Goleman (1995). Manifestasi komponen Kecergasan Emosi (EQ) yang dizahirkan oleh watak Chempaka membuktikan bahawa kanak-kanak dengan autisme mampu memiliki dan mengembangkan keupayaan emosi, sekiranya diberikan persekitaran yang memahami dan menyokong. Strategi penceritaan pengarang yang teliti, seperti penggunaan perspektif dalaman, imejan sensorik, dan dialog yang terkawal, bukan sahaja menonjolkan kekuatan watak autisme, malah membina naratif yang inklusif dan bebas stereotaip. Penemuan ini

mengukuhkan pandangan bahawa kesusasteraan kanak-kanak mempunyai potensi besar sebagai medium pendidikan emosi, pembinaan empati dan pemecahan stigma terhadap golongan neurodivergen, khususnya dalam konteks Malaysia yang berbilang budaya.

Dari sudut praktikal, kajian ini menyarankan supaya program kesedaran dan latihan khusus kepada ibu bapa diperluaskan agar mereka lebih bersedia mengurus cabaran emosi anak-anak dalam konteks pembelajaran dan interaksi sosial. Bagi penyelidikan masa hadapan, kajian lanjutan wajar memberi tumpuan kepada peranan guru serta keberkesanan pendekatan pendidikan inklusif dalam mengembangkan kecerdasan emosi kanak-kanak bermasalah pendengaran, di samping meneliti faktor budaya dan persekitaran sosial yang turut mempengaruhi perkembangan mereka. Dengan menggabungkan elemen EQ, representasi autisme yang sensitif, dan pendekatan literasi kanak-kanak, kajian ini diharap bukan sahaja menyumbang kepada literatur kesusasteraan dan pedagogi tempatan tetapi juga menyediakan panduan praktikal untuk guru dan penulis dalam menghasilkan bahan bacaan inklusif yang memperkasakan emosi dan sosial kanak-kanak.

Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa tahap penglibatan ibu bapa memainkan peranan penting dalam perkembangan kecerdasan emosi kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran. Penglibatan aktif ibu bapa membantu meningkatkan komunikasi, kestabilan emosi, dan hubungan sosial anak-anak. Implikasi kajian mencadangkan pembinaan modul aktiviti bilik darjah berasaskan kecerdasan emosi yang dapat diaplikasikan oleh guru dan ibu bapa secara bersama. Kajian ini turut terbatas kerana tiada data penerimaan pembaca sebenar terhadap dapatan novel yang dikaji. Oleh itu, penyelidikan masa hadapan disaran melibatkan analisis empirikal terhadap tindak balas pembaca dan keberkesanan modul pengajaran yang dicadangkan.

Penghargaan: Sekalung penghargaan diucapkan kepada Dekan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) Universiti Sains Malaysia (USM) dan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Bahagian Kesusasteraan PPPJJ, USM atas bimbingan dan sokongan.

Konflik Kepentingan: Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berhubung dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini. Hal ini demikian kerana perbincangan hanya melibatkan analisis teks novel yang dikarang berdasarkan imaginasi pengarang.

Rujukan

- Arunasalam, R. S., Jani, R., Aga Mohd Jaladin, R., & Abd Aziz, A. (2024). *Assessing parents' understanding of Autism Spectrum Disorder (ASD) in Malaysia: A cross-sectional study*. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(2), 123–139. Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://ejournals.ukm.my/ebangi/article/view/71205>
- Barnes, J. (2018). Empathy, diversity, and children's literature: Fostering social awareness through picture books. *Children's Literature in Education*, 49(3), 285–299. <https://doi.org/10.1007/s10583-017-9330-4>
- Brackett, M. A., Rivers, S. E., & Salovey, P. (2019). Emotional intelligence: Implications for personal, social, academic, and workplace success. *Social and Personality Psychology Compass*, 13(1). <https://doi.org/10.1111/j.1751-9004.2010.00334.x>
- Farrah Wahida Haron, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Emotional metaphors in Malay children's literature: A cognitive semantic analysis. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 19(4), 1–18. <https://doi.org/10.17576/gema-2019-1904-01>
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. Bantam Books.
- Hashim Awang, Zahir Ahmad, & Zainal Abidin Borhan (Eds.). (1998). *Pengajian sastera dan sosiobudaya Melayu memasuki alaf baru*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hromek, R., & Roffey, S. (2009). Promoting social and emotional learning with games: "It's fun and we learn things". *Simulation & Gaming*, 40(5), 626–644. <https://doi.org/10.1177/1046878109333793>

- Humphrey, N. (2008). Including pupils with autistic spectrum disorders in mainstream schools. *Support for Learning*, 23(1), 41–47. <https://doi.org/10.1111/j.1467-9604.2007.00367.x>
- Jessica Ong Hai Liaw. (2011). Pembelajaran Bahasa Melayu kanak-kanak autisme. *Dewan Bahasa*, 55(10), 42–45.
- Kanesan, P., & Fauzan, N. (2019). *Models of Emotional Intelligence: A Review*. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(7), 1–9. <https://doi.org/10.17576/ebangi>.
- Li, C., Qiu, X., & Wang, Y. (2020). Emotional intelligence and prosocial behavior in Chinese children: The mediating role of empathy. *Frontiers in Psychology*, 11, 2622. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.02622>
- Lindsay, S., Proulx, M., Thomson, N., & Scott, H. (2013). Educators' challenges of including children with autism spectrum disorder in mainstream classrooms. *International Journal of Disability, Development and Education*, 60(4), 347–362. <https://doi.org/10.1080/1034912X.2013.846470>
- Mayer, John D., & Salovey, Peter. (1990). *Emotional Intelligence*. Imagination, Cognition and Personality, 9(3), 185–211. <https://doi.org/10.2190/DUGG-P24E-52WK-6CDG>
- McCrimmon, A. W., & Montgomery, D. I. (2014). Integrating social-emotional learning into children's literature instruction: Benefits for inclusion and empathy development. *Journal of Research in Childhood Education*, 28(2), 221–237. <https://doi.org/10.1080/02568543.2014.884030>
- Mohd Shafiee Hamzah. (2020). *Pendidikan inklusif melalui sastera kanak-kanak: Analisis tema dan implikasi sosial*. [Tesis Sarjana]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nikolajeva, M. (2014). *Reading for learning: Cognitive approaches to children's literature*. John Benjamins Publishing Company. <https://doi.org/10.1075/clcc.3>
- Nisah Haron. (2025). *Chempaka dengan Piano*. Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA).
- Noor Aina Dani, N. A. (2018). *Peranan sastera kanak-kanak dalam pembangunan kecerdasan emosi murid sekolah rendah di Malaysia*. [Tesis Sarjana PhD tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.
- Nor Faridah Abdul Manaf. (2010). *Children's Literature in Malaysia: Issues and Challenges*. University of Malaya Press.
- Nurul Aini Omar & Siti Marziah Zakaria. (2019). *Hubungan di antara Gaya Keibubapaan dan Kecerdasan Emosi dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak: Satu Sorotan*. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(3), 1–7.
- Nur Hidayah Abu Bakar. (2019). *Nilai dan Estetika dalam Kesusasteraan Kanak-kanak Malaysia*. Karisma Publications.
- Salman Firdaus Sidek, Nur Saadah Fathil, Nur Zuhaidah Mohamed Zain & Kamilah Muhammad. (2014). Pembangunan perisian kursus "SAYA SUKA BELAJAR" untuk pembelajaran Bahasa Melayu bagi kanak-kanak autisme. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1).
- Sette, S., Spinrad, T. L., & Baumgartner, E. (2020). Links among Italian preschoolers' socio-emotional competence, emotion knowledge, and theory of mind skills. *Early Education and Development*, 31(3), 437–453. <https://doi.org/10.1080/10409289.2019.1669127>
- Shahida Hassim, Chu Tee Chua, Rosadah Abdul Majid, Zalizan Mohd Jelas & Hamizatun Akmal Md Yusof. (2012). Perkembangan Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Prasekolah Bermasalah Pendengaran: Implikasinya terhadap Penglibatan Ibu Bapa. *Journal of AKADEMIKA*, 82(2), 137–142.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2013). *Kesusasteraan Kanak-kanak: Teori, Analisis dan Aplikasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trevisan, D. A., Roberts, N., Lin, C., & Birmingham, E. (2021). How do individuals with autism spectrum disorder use social-emotional information in narratives? *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 51(5), 1574–1586. <https://doi.org/10.1007/s10803-020-04636-3>
- Wiseman, A. M., Everson, J., & Palacios, N. (2025). Supporting emotional intelligence and inferential comprehension using character analysis in picturebooks. *The Reading Teacher*, 78(4), 319–327.